

Ugut jika tak bayar RM10!

Ulat parkir bergiat aktif sekitar Jalan Alor dan Bukit Bintang di ibu kota resahkan orang ramai

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Paksa pengguna kenderaan membayar sehingga RM10 jika mahu menggunakan petak parkir.

Itu kegiatan sekumpulan samseng ulat parkir yang dikesan bergiat aktif sekitar Jalan Alor dan Bukit Bintang di ibu kota.

Rata-rata golongan ini membabitkan lelaki warga tempatan akan mengugut orang ramai yang enggan akur dengan kadar bayaran ditetapkan.

Ini seterusnya mencetuskan kebimbangan awam apabila golongan ini dikesan beroperasi secara terbuka meskipun tindakan penguatkuasaan pernah diambil sebelum ini.

Wartawan Harian Metro yang melakukan penyamaran di sekitar Jalan Bukit Bintang di sini, semalam mendapati tiga individu dipercayai ulat parkir berlegar-legar di kawasan itu sambil mengutip 'bayaran'

» INFO

● **DBKL mengesahkan tindakan sudah diambil susulan video tular berkenaan bersama PDRM**

● **Bayaran dikenakan antara RM5 hingga RM10 kepada pengunjung**

parkir daripada orang ramai.

Ketika ditanya wartawan, salah seorang daripada mereka mengaku bahawa hannya 'menjaga kawasan' itu bagi memastikan tiada kenderaan lain merampas petak parkir.

"Bayaran yang kami kenakan tak mahal antara RM5 hingga RM10 kepada pemandu dan kenderaan boleh parkir tanpa had masa.

"Kami bukan jaga sini saja, memang ada beberapa orang yang jaga kawasan sekitar Bukit Bintang. Masing-masing dah 'pegang' lorong atau petak tertentu," katanya yang tidak mengesyaki identiti wartawan.

Menurutnya, kerjaya ulat parkir dipilih atas faktor

kesempitan hidup dan sukar mendapatkan pekerjaan tetap.

"Kami bukan nak kacau orang, tapi susah nak cari kerja sekarang. Dapat la juga duit sikit-sikit nak makan," katanya.

Bagaimanapun ketiga-tiga individu terbabit bertindak melarikan diri sebaik sahaja melihat kenderaan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan rondaan di kawasan itu.

Tindakan itu sekali gus menguatkan lagi dakwaan bahawa aktiviti ini dijalankan secara haram tanpa sebarang identifikasi sah.

Terdahulu, tular video di media sosial yang memaparkan tindakan dua individu dipercayai ulat parkir di sekitar Jalan Bukit Bintang.

Dalam rakaman itu, dua individu dilihat mengenakan caj parkir haram daripada pengunjung.

Sementara itu, DBKL mengesahkan tindakan sudah diambil susulan video tular berkenaan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).



TANGKAP layar video tular mendakwa seorang pengunjung diminta membayarkan caj parkir RM10 di sekitar Jalan Alor di ibu kota.